

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]**

TARIKH : 20 OKTOBER 2015

RUJUKAN : 8199

SOALAN:

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah hasil siasatan yang telah dilakukan terhadap dakwaan yang dibuat oleh Dato' Abdul Hamid Bador, bekas timbalan ketua cawangan khas Polis Diraja Malaysia yang menyatakan:-

(a) ada pihak tertentu yang cuba menutup maklumat berkaitan serta menyembunyikan 3 saksi penting dalam siasatan kes 1MDB serta mengguna PDRM khususnya cawangan khas mencampuri dan diperalat untuk kepentingan politik pihak tertentu; dan

(b) apakah tindakan yang diambil terhadap Dato' Abdul Hamid Bador jika dakwaan beliau itu tidak benar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) tidak menjalankan sebarang siasatan dan membuka kertas siasatan berkaitan perkara ini memandangkan hasil semakan tiada laporan polis dibuat oleh beliau atau oleh mana-mana pihak sehingga kini. Dakwaan oleh bekas Timbalan Pengarah (1), Cawangan Khas hanya merupakan andaian beliau sendiri yang disiarkan dalam laman media sosial sahaja.

Bagi menjawab soalan (b), pihak PDRM telah mengeluarkan surat tunjuk sebab untuk mendapatkan penjelasan berkaitan kenyataan yang dikeluarkan olehnya yang disiarkan dalam laman sosial. Pihak Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) akan meneliti representasi yang dikemukakan oleh beliau sebelum sebarang keputusan dibuat. Pihak kementerian tidak berhasrat untuk mengulas lanjut berkaitan perkara ini memandangkan kes berkenaan di peringkat siasatan dan dikhuatiri boleh menjejaskan proses siasatan yang dijalankan.